

Soalan No: 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 28.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan pembangunan telah diperuntukkan untuk Sekolah Jenis Kerajaan Cina dalam tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018. Apakah angka pecahan bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM43.04 juta dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah peruntukan pembangunan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC) kategori Sekolah Kerajaan dan RM9.405 juta untuk SJKC Bantuan Modal. Manakala, di bawah peruntukan tabung penyelenggaraan, keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM150.371 juta dari tahun 2015 hingga 2017.

34

Pecahan peruntukan mengikut negeri adalah seperti berikut, iaitu:

1. Negeri Kedah, RM12.585 juta;
2. Negeri Perlis, RM1.960 juta;
3. Negeri Pulau Pinang, RM7.551 juta;
4. Negeri Perak, RM15.905 juta;
5. Negeri Selangor, RM14.340 juta;
6. W.P. Kuala Lumpur, RM6.220 juta;
7. Negeri Sembilan, RM8.449 juta;
8. Negeri Melaka, RM6.785 juta;
9. Negeri Johor, RM21.580 juta;
10. Negeri Pahang, RM6.555 juta;
11. Negeri Terengganu, RM2.320 juta;
12. Negeri Kelantan, RM2.205 juta;
13. Negeri Sabah, RM19.055 juta;
14. Negeri Sarawak, RM24.650 juta; dan
15. W.P. Labuan, RM210,000.00.

SOALAN (34)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 28 MAC 2018
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATUK KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

SOALAN :-

YB DATUK KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan trend penghijrahan penduduk dari kawasan pinggir bandar dan pedalaman ke bandar sejak 5 tahun kebelakangan sehingga tahun 2030 dan kesediaan Kerajaan menghadapi masalah yang dijangka semakin mencabar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah menyediakan Rancangan Pemajuan Nasional yang merangkumi Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara). Ketiga-tiga dokumen ini telah mengambil kira trend dan senario perbandaran terkini untuk keseimbangan pembangunan negara (*balanced growth*).

Berdasarkan DPN2 yang merupakan dokumen untuk memandu dan menyelaras **perancangan pembangunan perbandaran yang mampan** dengan memberi penekanan terhadap keseimbangan pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi negara. Seramai 22.66 juta penduduk (74.3%) di Malaysia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2015. Jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 27.30 juta penduduk (79.6%) pada tahun 2025. Justeru itu, berdasarkan kepada trend peningkatan kadar perbandaran (*urbanisation rate*) yang pesat, RFN Ke-3 telah mensasarkan

agar kadar perbandaran negara tidak melebihi 85% menjelang tahun 2040 ke arah mencapai matlamat “Negara yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni”. Sehubungan itu, pelbagai strategi dan tindakan telah dirangka di dalam RFN Ke-3 dan DPN2 untuk **memastikan bandar berdaya huni, inklusif dan mampan dapat diwujudkan.**

Pembangunan perbandaran di Malaysia juga telah mengambil kira 7 komitmen utama Agenda Perbandaran Baharu (NUA) iaitu:

- (i) Menyediakan perkhidmatan asas untuk semua warga bandar;
- (ii) Memastikan semua warga mempunyai akses kepada peluang yang sama dan tiada diskrimasi;
- (iii) Menggalakkan langkah-langkah yang menyokong bandar sihat dan bersih;
- (iv) Menguatkan daya tahan bandar untuk mengurangkan risiko dan kesan bencana;
- (v) Menangani perubahan iklim melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau;

- Q&A
- (vi) Meningkatkan perhubungan dan menyokong inisiatif hijau; dan
 - (vii) Menggalakkan ruang awam yang selamat, mudah akses dan hijau.

Dalam usaha memperkuatkan perancangan kawasan desa, Kementerian telah menyediakan DPF Desa Negara 2030 untuk mewujudkan perancangan yang holistik bagi pembangunan desa Negara ke arah Desa Berdaya Huni (*Livable*) dan Berdaya Tahan (*Resilient*). Cadangan strategi menggalakkan proses ‘kebangkitan semula desa’ (*rural rebound*) dan penyediaan perumahan baru berdensiti rendah dapat menasarkan kawasan desa sebagai tempat tinggal pilihan selain daripada faktor keindahan dan ketenangan desa.

Selain itu, hubungan bandar-luar bandar (*urban-rural linkages*) diperkuatkan melalui peningkatan rangkaian perhubungan dan aksesibiliti untuk meningkatkan potensi pembangunan desa serta disokong oleh peluang pekerjaan dan kemudahan awam yang baik dijangka dapat menarik penghijrahan penduduk bandar ke desa pada masa hadapan.